

**SOALAN LAZIM BERDASARKAN SITUASI SEMASA  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

**1) PERTANYAAN AM**

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1.	Bagaimanakah saya ingin mendapatkan surat pengesahan (pengesahan sebagai pelajar, pengesahan penyelidikan, pendaftaran KWSP, pengesahan status tajaan, pengesahan jangkaan tamat pengajian) sepanjang tempoh PKP ini?	Permohonan boleh dibuat melalui Portal Pelajar (MyUPSI Portal) dan e-mel permohonan tersebut kepada ips@upsi.edu.my bagi membolehkan pihak IPS menghantar melalui e-mel surat pengesahan yang dimohon.
2.	Bagaimanakah saya ingin mendapatkan tandatangan pegawai atau cop institusi bagi dokumen tajaan yang berkaitan sebagai contoh; (PTPTN, MARA, dll) ?	Anda boleh e-mel borang yang perlu ditandatangani atau dicop kepada ips@upsi.edu.my untuk tujuan tersebut.
3.	Bagaimanakah dengan pelajar antarabangsa? Adakah saya boleh pulang ke negara saya atau pulang semula ke Malaysia?	Sila berhubung terus dengan pihak International and Mobility Center (IMC) melalui e-mel imc@upsi.edu.my untuk makluman terkini berkaitan perkara tersebut.

		 <p><b>ATTENTION</b></p> <p>FOLLOWING THE ANNOUNCEMENT FROM THE UNIVERSITY, ALL IMC STAFF SHALL OPERATE FROM HOME</p> <p>随着校方宣布实行全面居家作业后, 所有 IMC 员工将在家中工作</p> <p>Commencing from 24th May 2021 to 4th June 2021 从2021年5月24日开始至2021年6月4日</p> <p>ADMINISTRATION &amp; FINANCE UNIT      VISA, INTERNATIONAL RELATION &amp; PROMOTION UNIT</p> <p>Mdm Shakila binti Mohd Idris Senior Assistant Registrar +6017-360 7154 imc@upsi.edu.my</p> <p>Mr. Mohamad Zaid bin Tahir Chief Clerk +6011-2429 2323 upsieng@upsi.edu.my</p> <p>INTERNATIONAL STUDENT AFFAIRS &amp; ALUMNI UNIT</p> <p>Mr. Azman bin L Kadir Deputy Registrar +6012-384 1340 studentaffairs.imc@upsi.edu.my</p> <p>Mr. Muhammad Ainal Idham bin Baharin Administrative Assistant Officer +6016-376 5044 studentaffairs.imc@upsi.edu.my</p> <p>For further inquiries, kindly contact IMC Visa Unit at +605-450 6781 or email <a href="mailto:newvisa@upsi.edu.my">newvisa@upsi.edu.my</a> or <a href="mailto:renewalvisa@upsi.edu.my">renewalvisa@upsi.edu.my</a>.</p> <p>如有任何疑问, 请致电于+605-450 6781, 或发电邮至 <a href="mailto:newvisa@upsi.edu.my">newvisa@upsi.edu.my</a> 或 <a href="mailto:renewalvisa@upsi.edu.my">renewalvisa@upsi.edu.my</a> 与IMC签证处联系。</p> <p>IMC UPSI International &amp; Mobility Centre</p>
4.	<p>Saya ingin membuat permohonan kepada pihak IPS agar dapat menghantar Surat Pengesahan Pelajar kerana saya tidak dapat mengambil secara bersemuka di IPS buat masa ini. Saya memerlukan surat ini untuk dihantar kepada pihak tajaan.</p>	<p>Permohonan boleh dibuat melalui Portal Pelajar (MyUPSII Portal) dan e-mel permohonan tersebut kepada <a href="mailto:ips@upsi.edu.my">ips@upsi.edu.my</a> bagi membolehkan pihak IPS menghantar melalui e-mel surat pengesahan yang dimohon.</p>
5.	<p>Bagaimana untuk saya <i>log in</i> ke MyUPSII Portal atau emysis saya?</p>	<p>Tatacara adalah seperti berikut:-</p> <p>ID : Student ID</p> <p>Password : No. IC/ No. Passport</p>
6.	<p>Bagaimanakah untuk saya mendapatkan borang kerana sepanjang tempoh PKP ini saya tidak boleh ke IPS?</p>	<p>Semua borang boleh dimuat turun di laman sesawang IPS pada pautan E-Forms.</p>

7.	Bagaimana pelajar ingin mendapatkan pengesahan pelajar untuk memohon GRA?	Pelajar perlu memohon melalui Portal Pelajar (MyUPSI Portal) untuk mendapatkan surat pengesahan pelajar dan untuk permohonan GRA perlu mengisi Borang Permohonan Graduate Research Assistant Scheme (IGS) <a href="http://ips.upsi.edu.my/e-forms/">http://ips.upsi.edu.my/e-forms/</a> atau boleh dapatkan di laman sesawang IPS. Borang permohonan yang telah dilengkapkan perlu dihantar ke fakulti untuk pengesahan dan tindakan lanjut.
----	---	--

## 2) PENYELIAAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	Adakah terdapat perubahan masa terhadap tarikh akhir penghantaran <i>softcopy</i> Kertas Projek untuk semakan Turnitin pada semester ini?	Tidak. Tiada perubahan masa tarikh akhir penghantaran <i>softcopy</i> Kertas Projek untuk semakan Turnitin. Sila rujuk Takwim Akademik Program Pengajian Siswazah yang terdapat di laman sesawang IPS.
2	Adakah terdapat perubahan masa terhadap tarikh akhir serahan Kertas Projek ke Fakulti pada semester ini?	Tidak. Tiada perubahan masa tarikh akhir serahan Kertas Projek ke Fakulti. Sila rujuk Takwim Akademik Program Pengajian Siswazah yang terdapat di laman sesawang IPS.

3	Adakah terdapat perubahan masa terhadap tarikh akhir pengisian Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS) secara <i>online</i> pada semester ini?	Tidak. Tiada perubahan masa bagi tarikh akhir pengisian Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS) secara <i>online</i> . Sila rujuk Takwim Akademik Program Pengajian Siswazah yang terdapat di laman sesawang IPS.
4	Adakah terdapat perubahan masa terhadap tarikh akhir serahan disertasi/ tesis awal ke IPS pada semester ini?	Tidak. Tiada perubahan masa tarikh akhir serahan disertasi/ tesis awal ke IPS. Sila rujuk Takwim Akademik Program Pengajian Siswazah yang terdapat di laman sesawang IPS.
5	Adakah saya akan memperoleh status Kurang Maju (KM) / Tidak Memuaskan (TM) pada semester ini sekiranya saya tidak sempat memenuhi keperluan menghadiri pembentangan proposal pelajar lain serta tidak sempat membuat pembentangan proposal pada semester ini?	Ya. pelajar adalah tertakluk kepada proses penilaian sedia ada.
6	Adakah tarikh penghantaran jilid keras bagi kertas projek program Sarjana akan dilanjutkan?	Mohon berhubung dengan pihak fakulti (melalui emel) memandangkan pengurusan Kertas Projek adalah di bawah fakulti sepenuhnya.

7	Adakah Mesyuarat Viva akan dilaksanakan dalam tempoh situasi ini? Sekiranya tidak, bilakah tarikh Mesyuarat Viva saya akan dibuat?	Ya. Mesyuarat Viva secara atas talian akan dilaksanakan sepanjang tempoh situasi ini dan tertakluk kepada kesediaan ( <i>availability</i> ) pemeriksa luar dan pemeriksa dalam. Sebarang pertanyaan boleh disalurkan ke e-mel <a href="mailto:uppp.ips@upsi.edu.my">uppp.ips@upsi.edu.my</a>
8	Apakah prosedur untuk membuat pembentangan proposal setelah tempoh situasi ini berakhir?	Pengurusan dan pelaksanaan pembentangan proposal adalah di bawah fakulti. Dalam tempoh situasi ini, pelajar boleh membuat semakan dengan fakulti masing-masing melalui emel yang boleh didapati di laman sesawang fakulti.
9	Adakah saya boleh mendapatkan surat pengesahan kajian luar / surat pengesahan kajian dalam dan lain-lain yang terdapat dalam MyUPSI Portal sepanjang tempoh situasi ini?	Ya. Pelajar boleh membuat permohonan surat-surat pengesahan yang terdapat di dalam MyUPSI Portal. Pelajar boleh mendapatkan makluman status surat yang diperlukan tersebut melalui e-mel <a href="mailto:uppp.ips@upsi.edu.my">uppp.ips@upsi.edu.my</a> dengan menyatakan nombor matrik dan nama pelajar.

10	Adakah tarikh penghantaran pembedulan tesis/disertasi kekal semasa tempoh situasi ini?	Kekal. Pelajar boleh menghantar pengesahan pembedulan dengan merujuk Prosedur Penghantaran Tesis/Disertasi Pembedulan secara emel di fakulti masing-masing. Walau bagaimanapun, sekiranya pelajar yang mempunyai kekangan untuk menghantar pembedulan tesis/disertasi dalam tempoh yang dinyatakan di atas perlu membuat surat permohonan pelanjutan penghantaran pembedulan tesis/ disertasi kepada Dekan IPS dan kelulusan adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
11	Adakah proses penyelidikan pelajar Sarjana Mod Penyelidikan/ PhD boleh diteruskan?	Ya. Proses penyelidikan boleh terus dilaksanakan dengan mengambil kira pelajar boleh berhubung secara terus dengan penyelia melalui medium seperti emel, Google Meet, skype dan sebagainya. Namun tarikh-tarikh penting proses penyelidikan (seperti pengisian LKPS, serahan tesis awal) perlu dirujuk pada Takwim Akademik yang terdapat di laman sesawang IPS.  Sekiranya pelajar perlu menggunakan makmal untuk menjalankan penyelidikan dalam tempoh, pelajar perlu menghubungi penyelia bagi permohonan penggunaan makmal di UPSI melalui sistem RIMS (tertakluk kepada peraturan semasa universiti).

12	Adakah segala urusan yang berkaitan dengan Penghantaran Borang / Pembentangan Proposal/ Pembentangan Dapatan Kajian dan sebagainya juga turut ditunda?	Tidak. Pelajar boleh menghubungi fakulti masing-masing melalui emel yang boleh didapati di laman sesawang fakulti.
13	Apakah proses untuk pemeriksaan ketulenan (Turnitin) tesis/ disertasi/ kertas projek turut ditunda?	Tidak. Pelajar boleh emelkan permohonan pemeriksaan ketulenan (Turnitin) berkenaan ke <a href="mailto:turnitin@upsi.edu.my">turnitin@upsi.edu.my</a> .
14	Adakah penghantaran notis awal tesis/ disertasi bagi pelajar Sarjana Mod A dan Mod B serta PhD hanya boleh dilakukan selepas tempoh situasi ini berakhir?	Tidak. Proses penghantaran notis awal tesis / disertasi boleh dilaksanakan dalam tempoh situasi ini. Sekiranya pelajar bercadang untuk membuat penghantaran notis dalam tempoh situasi ini, pelajar perlu menghantar borang berkaitan ke penyelia melalui emel. Seterusnya penyelia memberi perakuan dan perlu memajukan borang tersebut ke Fakulti bagi proses penamaan cadangan pemeriksa. Seterusnya Fakulti boleh memajukan borang yang telah lengkap diisi ke IPS melalui e-mel <a href="mailto:uppp.ips@upsi.edu.m">uppp.ips@upsi.edu.m</a> .

15	Adakah pelajar dibolehkan untuk menangguhkan semester sekiranya proses kutipan data oleh pelajar terjejas sepanjang tempoh situasi ini?	<p>Ya. Pelajar boleh berbincang lanjut bersama penyelia berkaitan pelaksanaan kutipan data.</p> <p>Sekiranya pelajar berhasrat untuk menangguhkan pengajian (atas sebab peribadi) pelajar boleh membuat permohonan melalui MyUPSI Portal (sebelum minggu ke 7 kuliah).</p>
16	Bilakah tarikh akhir untuk pelajar menghantar tesis awal?	Tarikh akhir penghantaran tesis awal bagi pelajar maksimum semester adalah pada 26 Julai 2021. Maklumat lengkap boleh dirujuk melalui Takwim Akademik yang boleh didapati di laman sesawang IPS.
17.	Adakah pengeluaran Surat Pengesahan Senat yang menyatakan saya telah tamat Sarjana/ PhD akan tertangguh dalam tempoh masa yang lama?	Tidak. Surat Pengesahan Senat akan dikeluarkan mengikut ketetapan dan tertakluk kepada Mesyuarat JPS & Mesyuarat Senat.



### 3) PEPERIKSAAN DAN PENGIJAZAHAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	Adakah terdapat perubahan masa terhadap minggu peperiksaan yang terdapat dalam Takwim Akademik Program Pengajian Siswazah?	Tidak. Tiada perubahan tempoh untuk minggu peperiksaan.
2	Bilakah Sesi Istiadat Konvokesyen pada tahun ini akan diadakan?	Sebarang maklumat terkini akan dihebahkan di laman sesawang IPS.
3	Bolehkan Surat Tamat Pengajian dan Transkrip Akademik dihantar melalui emel terlebih dahulu?	Ya. Surat Tamat Pengajian dan Transkrip Akademik akan dihantar melalui emel/pos. Pelajar boleh memohon untuk mendapatkan dokumen ini dengan menyatakan maklumat permohonan berserta nama dan no. matrik ke e-mel IPS iaitu <a href="mailto:uppp.ips@upsi.edu.my">uppp.ips@upsi.edu.my</a> .

#### 4) TAKWIM AKADEMIK

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	Adakah terdapat perubahan terhadap Takwim Akademik disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan?	Tiada perubahan terhadap Takwim Akademik memandangkan sesi Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) dilaksanakan secara pembelajaran teradun ( <i>blended learning</i> ) dan sesi penyeliaan dilaksanakan secara <i>remote supervision</i> .

#### 5) KEMASUKAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bagaimanakah untuk saya mendaftar sebagai pelajar baharu bagi semester ini?	Sepanjang tempoh PKP ini, proses kemasukan boleh dibuat secara dalam talian, iaitu dengan menghantar dokumen-dokumen yang diperlukan melalui e-mel <a href="mailto:admission.ips@upsi.edu.my">admission.ips@upsi.edu.my</a> setelah membuat pembayaran yuran.

2.	<p>Saya telah berjaya mendapat tawaran kemasukan ke UPSI bagi mod Kerja Kursus. Namun, saya ingin memohon untuk menangguhkan kemasukan pada semester ini dan mendaftar pada semester depan iaitu pada sesi kemasukan Oktober 2021 kerana saya telah ketinggalan beberapa minggu kuliah? Adakah dibenarkan?</p>	<p>Sila sertakan surat penangguhan kemasukan melalui e-mel penawaran yang diterima sebelum ini. Surat maklum balas akan di emelkan kepada calon pelajar berkenaan.</p> <p>Namun, jika pelajar Mod Penyelidikan (Mod A) atau Phd, pelajar boleh meneruskan pendaftaran tetapi tidak perlu mendaftarkan kursus Kaedah Penyelidikan. Kursus berkenaan boleh diambil sebelum bergraduat.</p>
3.	<p>Bolehkah saya membuat permohonan kemasukan Pengajian Siswazah sepanjang tempoh PKP ini ?</p>	<p>Ya, anda boleh memohon seperti biasa untuk kemasukan September 2021. Pihak IPS tetap akan memproses permohonan anda seperti biasa.</p>
4.	<p>Saya masih belum menduduki peperiksaan Bahasa Inggeris/ MUET/ TOELF/ MUET/ ELPC kerana PKP. Adakah saya dibenarkan untuk menangguhkannya?</p>	<p>Pelajar perlu mendaftar secara dalam talian bagi mendapatkan tarikh peperiksaan tersebut dan e-melkan kepada pihak IPS di <a href="mailto:admission.ips@upsi.edu.my">admission.ips@upsi.edu.my</a> untuk tindakan selanjutnya.</p>

## 6) PENKULIAHAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah saya perlu membayar denda lewat daftar kursus dan semester sepanjang PKP ini?	<p>Ya. Kelewatan membuat penambahan kursus selepas minggu ke-2 atau pengguguran kursus selepas minggu ke-7 semester berkenaan akan dikenakan denda seperti berikut:-</p> <p>Kelewatan Pendaftaran Kursus – RM30.00 / kursus</p> <p>Kelewatan Pendaftaran Semester – RM10.00 / sehari</p> <p>Kelewatan Gugur Tambah Kursus – RM 10.00 / sehari</p>

<p>2.</p>	<p>Saya mengalami masalah untuk memasuki MYSIS untuk mendaftar kursus. Ia menunjukkan saya mempunyai bayaran tertunggak. Bagaimana untuk saya mendaftarkan kursus kerana saya tidak boleh mendaftarkannya sendiri selepas minggu tambah/gugur tamat.</p>	<p>Pendaftaran kursus selepas minggu ke-2 pengkuliahan akan dibuat oleh pihak IPS. Pelajar perlu membayar yuran tertunggak dan denda lewat daftar terlebih dahulu sebelum IPS mendaftarkan kursus pelajar.</p> <p>Pelajar perlu e-melkan resit pembayaran berserta borang Tambah/Gugur Kursus (boleh diperoleh di laman sesawang IPS) ke alamat e-mel <a href="mailto:up.ips@upsi.edu.my">up.ips@upsi.edu.my</a> untuk tindakan IPS selanjutnya.</p> <p>Pelajar juga perlu mendapatkan perakuan pensyarah pada borang tambah kursus sekiranya kursus yang ingin didaftarkan melibatkan kelas.</p> <p>Pelajar boleh gugurkan sendiri kursus di portal masing-masing sehingga minggu ke-4.</p>
<p>3.</p>	<p>Saya ingin membuat penangguhan pengajian atas beberapa faktor dan saya telah memohon melalui MyUPSI Portal. Namun, saya mempunyai kemusykilan berkaitan yuran yang telah dibayar bagi semester ini.</p>	<p>Permohonan penangguhan pengajian perlu dibuat sebelum minggu ke-7 pengkuliahan agar yuran pengajian yang telah dibayar boleh dibawa ke semester hadapan.</p> <p>Permohonan penangguhan akan diproses selepas semua proses di peringkat Fakulti, Perpustakaan dan Jabatan Bendahari telah selesai.</p>

4.	Bagaimana untuk memohon penangguhan pengajian.	<p>Permohonan penangguhan pengajian dan menarik diri perlu dibuat secara atas talian di portal pelajar masing-masing.</p> <p>(<a href="https://portal.upsi.edu.my/">https://portal.upsi.edu.my/</a> &gt; Academic &gt; Deferement/Withdrawal &gt; Apply &gt; Submit).</p>
5.	Saya telah diberhentikan pengajian disebabkan tidak mendaftar semester dan membayar yuran. Bagaimanakah untuk saya membuat rayuan?	<p>Pelajar boleh membuat rayuan dalam tempoh 3 minggu daripada tarikh notis dengan mengisi Borang Rayuan Meneruskan Pengajian yang boleh diperolehi di laman sesawang IPS beserta resit pembayaran wang proses sebanyak RM25.00 ke e-mel <a href="mailto:up.ips@upsi.edu.my">up.ips@upsi.edu.my</a>.</p> <p>Kelulusan permohonan akan dimaklumkan melalui e-mel berkenaan selepas mendapat perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah.</p>
6.	Saya merupakan pelajar Mod Kerja Kursus. Bagaimanakah dengan kuliah saya sepanjang PKPB ini?	Semua kuliah diadakan secara dalam talian ( <i>rujuk Myguru atau Mailsiswa</i> ) dan pelajar perlu berhubung dengan pensyarah masing-masing.

7.	<p>Saya ingin membuat penukaran status pengajian dari <i>Full Time</i> ke <i>Part Time</i> atau <i>Part Time</i> ke <i>Full Time</i> disebabkan oleh kekangan tempat kerja. Bagaimanakah prosesnya?</p>	<p>Pelajar boleh menukar status pengajian dengan mengemukakan surat rasmi kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah melalui e-mel <a href="mailto:up.ips@upsi.edu.my">up.ips@upsi.edu.my</a>. Pelajar tidak perlu menghantar sendiri ke kaunter IPS.</p> <p>Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya minggu ke-7 Pengkuliahan. Permohonan juga perlu sebelum semester 3 pengajian.</p>
8.	<p>Saya pelajar Sarjana Mod Penyelidikan/ Doktor Falsafah,. Adakah saya perlu mengambil kursus GRU60104 atau boleh mengambil mana-mana kursus kaedah penyelidikan?</p>	<p>Pelajar wajib mengikuti sekurang-kurangnya satu (1) kursus kaedah penyelidikan sepanjang pengajian untuk memenuhi syarat kursus audit.</p> <p>Pelajar boleh mengambil mana-mana kursus kaedah penyelidikan yang ditawarkan pada semester semasa dan tidak semestinya mengambil kursus GRU60104.</p> <p>Pelajar juga boleh diminta untuk mengikuti mana-mana kursus kaedah yang lain atas cadangan Fakulti bagi memenuhi syarat kursus audit.</p>

<p>9.</p>	<p>Bagaimanakah untuk saya menukarkan program?</p>	<p>Pelajar boleh memohon pertukaran bidang/program dengan mengisi Borang Permohonan Pertukaran Program/Pengkhususan dengan perakuan.</p> <p>Kelulusan pertukaran bidang /program bagi pelajar program yang tidak melibatkan lantikan penyelia yang baharu hanya diputuskan di peringkat IPS sahaja.</p> <p>Manakala mana-mana permohonan yang melibatkan lantikan penyelia baru, perlu diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah.</p> <p>Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya sebelum semester 3 pengajian dan sebelum minggu ke-7 pengkuliah.</p> <p>Pertukaran ini dibenarkan dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.</p>
<p>10.</p>	<p>Saya tidak sempat menghantar borang Meneruskan Pengajian/ Borang <i>Add Drop</i>/ Permohonan Tukar Mod/ Permohonan Melanjutkan Pengajian kerana telah PKP? Bolehkan saya hadir ke IPS?</p>	<p>Pelajar hanya perlu emelkan borang yang telah lengkap diisi berserta pengakuan dari Fakulti ke Unit Pengkuliahan up.ips@upsi.edu.my.</p>



11.	Bagaimanakah untuk saya membayar denda @ yuran pengajian?	<p>Pelajar boleh merujuk kepada laman sesawang IPS <a href="http://ips.upsi.edu.my/wp-content/uploads/2020/10/Method-of-Payment-new.pdf">http://ips.upsi.edu.my/wp-content/uploads/2020/10/Method-of-Payment-new.pdf</a>.</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1) Bayaran di Kaunter Bank Islam</li><li>2) Bayaran di Mesin ATM Bank Islam</li><li>3) Bayaran di Mesin CDM Bank Islam</li><li>4) Bayaran di Laman Web Bank Islam</li><li>5) Bayaran di Portal <i>ePayment@UPSI</i></li><li>6) Bayaran melalui <i>JomPAY</i></li><li>7) Pelajar antarabangsa – menggunakan <i>flywire</i></li></ol>
-----	---	---